

Lelaki terlibat kes tembakan dihadap ke mahkamah

Tertuduh dihadapkan ke Mahkamah Majistret Sibu, semalam bagi mendengar pertuduhan

Oleh Reno Benjamin


SIBU: Seorang lelaki yang terlibat melepaskan tembakan ke arah seorang mangsa di simpang Jalan Penyangkai Majau-Kanowit baru-baru ini, dihadapkan ke Mahkamah Majistret di sini, semalam bagi mendengar pertuduhan.

Bagaimanapun tiada pengakuan diambil daripada tertuduh, Lionel Kho Kwong Teck, 33, setelah pertuduhan dibacakan di hadapan Majistret Oon Kork Chern memandangkan kes adalah di bawah bidang kuasa Mahkamah Sesyen.

Mengikut pertuduhan, Kho didakwa cuba membunuh seorang lelaki berusia 48 tahun dengan melepaskan tembakan ke arah mangsa di simpang Jalan Penyangkai Majau-Kanowit pada 24 Ogos 2025 kira-kira jam 5.20 petang.

Kho didakwa melakukan kesalahan yang dihukum di bawah Seksyen 307 Kanun Keseksaan, yang boleh dipenjara sehingga 10 tahun dan juga denda, dan jika melibatkan kecederaan terhadap mangsa, hendaklah dipenjara sehingga 20 tahun.

Sementara itu, seorang lagi rakan Kho iaitu Wong Sing



DIDAKWA: Kho dikawal ketat oleh anggota polis ketika dibawa ke Mahkamah Majistret Sibu, semalam bagi mendengar pertuduhan.

Dieng, 51, turut didakwa di mahkamah atas pertuduhan bersubahat dalam kejadian tersebut dan didakwa mengikut Seksyen 307 Ka-

nun Keseksaan yang dibaca bersama Seksyen 109 kanun yang sama.

Dalam pada itu, Wong turut didakwa atas satu lagi



BERSUBAHAT: Wong diiringi ketat oleh anggota polis ketika dibawa ke Mahkamah Majistret Sibu, semalam bagi mendengar pertuduhan.

pertuduhan iaitu menyalah guna dadah jenis Amphetamine dan Methamphetamine ketika ditahan di Balai Polis Sungai Merah, Jalan Wawas-

an pada 2 Jun 2025 kira-kira jam 11 pagi.

Untuk pertuduhan itu, dia yang mempunyai tidak kurang dua kesalahan lam-

pau bagi kesalahan sama, didakwa mengikut Seksyen 15(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 dan dihukum mengikut Seksyen 39C(2) akta sama.

Mahkamah menetapkan kes disebut semula di Mahkamah Sesyen pada 23 September ini.

Kedua-dua tertuduh tidak dibenarkan bebas dengan ikat jamin.

Pendakwaan kes dikenyalikan oleh Timbalan Pendakwa Raya Nuralisa Natasha Nazrulzam.

Berdasarkan laporan media sebelum ini, pihak polis telah menahan dua lelaki bagi membantu siasatan berhubung insiden melepaskan tembakan di simpang Jalan Penyangkai Majau-Kanowit.

Pihak polis menerima laporan mengenai kejadian kira-kira jam 8.30 malam selepas seorang lelaki dilaporkan ditembak oleh suspek sebelum melarikan diri dengan menaiki sebuah kenderaan.

Dalam kejadian tersebut tiada kecederaan dilaporkan dan siasatan awal kemudian menemui rangka sebuah kenderaan yang telah dibakar di Jalan Penyulau, dipercayai kenderaan yang digunakan suspek.